

23 OCT 1998

BELANJAWAN DAPAT JANA USAHA PEMULIHAN, KATA ABU ZAHAR

MELAKA, 23 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin yakin Belanjawan 1999 mampu menjana ekonomi negara ke arah usaha pemulihan.

Beliau berkata keseluruhan belanjawan itu adalah pragmatik dan bertepatan dengan suasana ekonomi negara kini.

Menurutnya rakyat harus berpuas hati kerana peruntukan untuk dua sektor utama iaitu pembangunan infrastruktur dan pendidikan akan secara langsung dirasakan untuk kesejahteraan semua.

" Ia masih menjadi tumpuan utama dalam belanjawan dan saya berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir dalam hal ini," katanya kepada pemberita di kediamannya, di sini.

Beliau berkata Melaka, sebagai sebuah negeri pelancongan, juga akan menerima manfaat secara lansung berikutan pengumuman sehari Sabtu setiap bulan akan diisytihar sebagai cuti umum bagi kakitangan awam.

Abu Zahar berkata beliau akan memastikan agensi-agensi pelancongan di negeri ini memperbanyakkan produk-produk pelancongan baru.

" Ia berita gembira untuk pertambahan pendapatan semua yang terlibat dalam sektor pelancongan,"katanya.

-- BERNAMA

NO NAK